



مجلس دائره تنجوع ماليم

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

Peti Surat 59,
35900 Tanjong Malim,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410

05-4563420

Faks : 05-4563430

05-4563440

Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA

Ruj. Kami: Bil(4)dlm.MDTM/

06/10/10 – 34/2026

Tarikh : 11 Ogos 2026

1. Tawaran / Sebut harga adalah dipelawa kepada mana-mana Kontraktor/Pembekal Bumiputera dalam Perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan Bidang, Sub dan Pecahan 210101 untuk mendapatkan sebut harga seperti berikut :-

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
MDTM 06/10/10 – 34/2026	Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi dan Mengujilari Peralatan ICT Core Switch, Access Switch, Mesin Pencetak Skala Besar (Plotter) dan Network Address Storage (NAS) di Majlis Daerah Tanjong Malim.	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Di Bawah Kod Bidang 210101, 210102, 210105 dan 210107	RM50

2. Naskah meja tawaran akan dipamerkan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari **13 Ogos 2026 hingga 24 Ogos 2026** semasa waktu pejabat. **Penyebut harga yang berminat boleh membeli dokumen tawaran bermula dari 13 Ogos 2026 hingga 24 Ogos 2026.**
3. Dokumen tawaran akan dijual bermula **13 Ogos 2026 hingga 24 Ogos 2026** mengikut waktu pembayaran seperti berikut:-

SELASA – KHAMIS	
Pagi	: 9.00 pagi – 12.15 tengahari
Petang	: 2.15 petang – 4.00 petang

JUMAAT	
Pagi	: 9.00 pagi – 12.00 tengahari
Petang	: 3.00 petang – 4.00 petang

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. Kontraktor/Penyebutharga hendaklah **HADIR SENDIRI** dengan membawa bersama:-
 - a. Kad Pengenalan.
 - b. SSM, MOF & TCC

} salinan dikemukakan kepada urusetia)


 - c. Wakil tidak dibenarkan semasa membeli dokumen sebutharga
 - d. Kebenaran Khas tidak dibenarkan.
 - e. Hanya penyebutharga yang berkelayakan sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran tersebut.

5. **Penyebut harga yang berminat adalah diwajibkan menyertai satu taklimat ringkas spesifikasi yang akan diadakan pada 17 Ogos 2026 (Isnin) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Iris Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan dan Rekreasi Majlis Daerah Tanjong Malim. Penyebut harga diwajibkan membawa salinan kad pengenalan, Sijil Pematuhan Cukai (TCC), Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) . Hanya Penyebut Harga yang berkeelayakan sahaja dibenarkan menyertai taklimat dan wakil tidak dibenarkan**
6. **Pembayaran dokumen tawaran hendaklah berbentuk tunai, bank draf atau wang kiriman pos di buat atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Tawaran hendaklah di buat di atas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.**
7. **Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran di penjurur sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Kaunter Utama, Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan & Rekreasi, Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 24 Ogos 2026 (Isnin) jam 12.00 tengahari. Sila lampirkan salinan tiga bulan penyata bank terkini serta senarai pengalaman kerja terdahulu yang berkaitan dengan sebutharga ini. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.**
8. **Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan kenyataan ini, sila hubungi talian MDTM 05-4563410 / 05-4563455 (Mohamad Syukuri bin Hamid).**
9. **Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.**

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah



(DR. SHAZREE IDZHAN BIN HAJI WAHAB ABDUL RAHMAN, A.M.P)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

Peti Surat 59, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan
Tel : 50-4563410/20 Fax : 05-4563430/40

NO. SEBUT HARGA : MDTM 06/10/10 – 34/2026

1. Tawaran / Sebut harga adalah dipelawa kepada mana-mana Kontraktor/Pembekal dalam Perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan Bidang, Sub dan Pecahan 210101, 210102, 210105 dan 210107 untuk mendapatkan sebut harga seperti berikut :-

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MEMASANG, MENGKONFIGURASI DAN MENGUJILARI PERALATAN ICT CORE SWITCH, ACCESS SWITCH, MESIN PENCETAK SKALA BESAR (PLOTTER) DAN NETWORK ADDRESS STORAGE (NAS) DI MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.

2. Dokumen Sebut harga boleh diambil di Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan & Rekreasi Majlis Daerah Tanjong Malim.

TARIKH IKLAN : 13 OGOS 2026 (KHAMIS)
TARIKH TUTUP : 24 OGOS 2026 (ISNIN)

3. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan berlakri, bertulis nombor dan tajuk sebut harga ke Majlis Daerah Tanjong Malim tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup dan dimasukkan ke peti sebut harga di Majlis Daerah Tanjong Malim, Peti Surat 59, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

4. Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) tidak akan terikat menerima tawaran sebut harga terendah atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak. Semua borang sebut harga serta dokumen sokongan tidak akan dikembalikan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan kenyataan ini, sila hubungi talian MDTM 05-4563410 / 05-4563455 (Mohamad Syukuri bin Hamid).

Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59, 35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

- 1. Keadaan Barang**
Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 2. Harga**
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan
- 3. Sebut harga Sebahagian**
Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.
- 4. Barang Setara**
Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi seperti pembekalan *business product*.
- 5. Persetujuan**
 - (i) MDTM tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga, dan
 - (ii) Setiap butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan
- 6. Pemeriksaan**
 - (i) MDTM sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut, dan
 - (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki

7. Perakuan Menyatakan Spesifikasi Telah Dipatuhi

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaaan ini

8. Penolakan

- (i) Barang yang rendah mutunya mutunya (bukan *business product*) atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harga boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta, penyebutharga hendaklah menyebabkan barang yang hendak ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MDTM segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini, tidaklah memudaratkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Yang Dipertua, MDTM terlebih dahulu.

10. Kontrak

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya

11. Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

12. Sub-Sewa Dan Menyerahkan Hak Kerja

Pembekal tidak dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada mana-mana Pembekal. Pembekal tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Pesanan Kerajaan ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada Pegawai Pemeriksa.

13. Penolakan Bahan, Barang Dan Mutu Hasil Kerja Oleh Pegawai Pemeriksa

13.1 Pegawai Pemeriksa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Pembekal hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Pemeriksa, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Pembekal sendiri.

13.2 Pembekal hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

14. Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan

15. Tawaran sebut harga yang dimasukkan ini juga dianggap telah mengambil kira segala kesulitan, pembiayaan atau risiko yang mungkin dtanggung oleh Pembekal kerana mematuhi atau ketegasan pihak Majlis Daerah Tanjong Malim menguatkuasakan peraturan-peraturan, tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam melaksanakan kerja-kerja yang ditawarkan di dalam Dokumen sebut harga ini.

16. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke pejabat,

**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
PETI SURAT 59,
35900 TANJONG MALIM,
PERAK DARUL RIDZUAN**

Atau,

Pegawai dirujuk :

**Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan & Rekreasi
Majlis Daerah Tanjong Malim.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

1.1 Majlis Daerah Tanjong Malim adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

1.2 Majlis Daerah Tanjong Malim berhak untuk mempertimbangkan penyebut harga yang sedang membuat permohonan pendaftaran kod bidang 210101, 210102, 210105, 210107 kepada Kementerian Kewangan Malaysia dengan syarat penyebut harga hendaklah membawa bersama borang/dokumen permohonan asal dan menyerahkan satu salinan borang/dokumen permohonan tersebut kepada pentadbiran ini.

2. DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Hanya Syarikat yang telah mengisi maklumat dengan lengkap dan mematuhi tempoh syarat sah laku Sijil Pendaftaran Syarikat SSM, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia serta kod bidang yang ditetapkan.

2.2 Pembekal hendaklah meletakkan harga / kadar harga dalam ruang yang ditetapkan sahaja. Tulisan hendaklah jelas, mudah dibaca dan difahami.

2.3 Alamat yang ditulis perlulah alamat yang daftar atau telah diubah dan pihak pendaftar telah dimaklumkan berkenaannya.

3. CARA-CARA MENGISI DOKUMEN SEBUT HARGA

3.1 Penyebut harga (syarikat) adalah dikehendaki melengkapkan dokumen sebut harga secara bertaip atau bertulis dengan tulisan yang jelas bagi perkara-perkara berikut:

Bahagian A: Tawaran Kewangan

1. Senarai Semak Sampul Tawaran Kewangan (**Lampira K1**)
2. Borang Sebut Harga (**Lampiran Q**)
3. Jadual Tawaran Harga (**Lampiran K2**)
4. Profil Syarikat (**Lampiran K3**)

Bahagian B: Tawaran Teknikal

5. Senarai Semak Sampul Tawaran Teknikal (**Lampiran T1**)
6. Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal (**Lampiran T2**)
7. Jadual Pelaksanaan (**Lampiran T3**)
8. Senarai Perkhidmatan Yang Sedang dan telah Dilaksanakan (**lampiran T4**)
9. Senarai Kakitangan Teknikal (**Lampiran T5**)
10. Carta Organisasi Pengurusan Projek Syarikat (**Lampiran T6**)

3.2 Penyebut Harga (Syarikat) hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang pada lampiran yang ditetapkan.

3.3 Penyebut Harga tidak dibenarkan mengubah suai borang-borang pada lampiran dokumen sebut harga dan Bahagian Pengurusan Maklumat, Majlis Daerah Tanjong Malim berhak menolak dokumen sebut harga tersebut.

3.4 Borang-borang pada lampiran dokumen sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang tersebut digalakkan **ditaip** berbanding dengan **ditulis tangan** kerana lebih jelas dan teratur bagi mengelakkan kekeliruan tulisan yang tidak dapat dibaca.

4. **PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN**

4.1 Semua pembetulan atau pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam **Jadual Tawaran Harga (Lampiran K2)** hendaklah **ditandatangani ringkas** oleh **orang yang menandatangani dokumen sebut harga serta dicapkan dengan cap rasmi Penyebut Harga (syarikat)**. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda. Pembetulan atau pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

4.2 Pindaan menggunakan '*liquid paper*' tidak dibenarkan dan sekiranya ada, dokumen sebut harga akan ditolak.

5 **CETAKAN DAN PENJILIDAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

5.1 Semua bahagian di dalam dokumen sebut harga yang telah dicetak serta dilengkapkan mestilah diasingkan dan disusun mengikut aturan yang telah ditetapkan pada **Senarai Semak Sampul Tawaran Kewangan (Lampiran K1)** dan **Senarai Semak Sampul Tawaran Teknikal (Lampiran T1)**

5.2 Dokumen sebut harga yang telah disusun mengikut urutan tersebut hendaklah **dijilid (*binding*)** dengan menggunakan kaedah ***comb-binding*** dan dimasukkan ke dalam sampul seperti berikut:

5.2.1 **Sampul Tawaran Kewangan**

Semua dokumen yang dinyatakan dalam **Senarai Semak Sampul Tawaran Kewangan (Lampiran K1)** hendaklah dijilid ***comb-binding*** dan dimasukkan dalam Sampul Tawaran Kewangan.

5.2.2 Sampul Tawaran Teknikal

Semua dokumen yang dinyatakan dalam **Senarai Semak Sampul Tawaran Teknikal (Lampiran T1)** hendaklah dijilid *comb-binding* dan dimasukkan bersama dalam Sampul Tawaran Teknikal.

6. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

6.1 Dokumen sebut harga yang perlu dikembalikan hendaklah mengandungi **Sampul Tawaran Kewangan** dan **Sampul Tawaran Teknikal** yang dimasukkan ke dalam **satu (1) sampul surat yang berlakri** dan dicatatkan pada atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut:

Kod Sebut Harga : MDTM 06/10/10-34/2026

Tajuk Sebut Harga : Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi Dan Mengujilari Peralatan Ict Core Switch, Access Switch, Mesin Pencetak Skala Besar (Plotter) Dan Network Address Storage (Nas) Di Majlis Daerah Tanjong Malim

**Dan dialamatkan : Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan**

6.2 Penyebut Harga yang tidak mengemukakan dokumen seperti di perenggan 5.2.1 sehingga 5.2.2 akan ditolak.

6.3 Dokumen sebut harga yang dihantar dengan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh Penyebut Harga ke dalam **peti sebut harga** yang disediakan di:

**Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan dan Rekreasi
Majlis Daerah Tanjong Malim
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan**

**Pada waktu Pejabat selewat-lewatnya pada 24 Ogos 2026
(Isnin) Sebelum jam 12.00 tengah hari.**

Dokumen sebut harga yang lewat diterima akan ditolak.

6.4 Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan dan Rekreasi, Majlis Daerah Tanjong Malim tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar:

6.4.1 Hantar sendiri dengan tangan

Memasukkan dokumen sebut harga dalam peti sebut harga yang salah.

6.4.2 Melalui pos/agen penghantar

Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.

6.5 Penyebut Harga hendaklah menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan sebut harga yang disertainya.

7. Sebarang pertanyaan atau masalah hendaklah menghubungi:-
**Jabatan Teknologi Maklumat, Pelancongan & Rekreasi Majlis Daerah
Tanjong Malim (MDTM)**
No. Telefon: 05-4563455